



Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (38) 02/12

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KEMENTERIAN PERTAHANAN 2017

KUALA LUMPUR, 14 Disember, 2017 – Bagi mendukung hasrat kerajaan, sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Pertahanan dengan bertemakan **Inovasi Menunjangi Aspirasi TN 50** peringkat Kebangsaan diangkat bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetitif dalam inovasi ke arah mencapai status kelompok 20 negara-negara hebat berinovasi menjelang 2050.

Bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan, sambutan Hari Inovasi peringkat Kementerian Pertahanan Tahun 2017 telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, **YB Dato' Sri Mohd Johari bin Baharum**.

Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd Johari berkata, salah satu pendekatan yang boleh digunakan ialah **kolaborasi dalam berinovasi**. Melaluinya, budaya *silo* di antara jabatan atau agensi boleh dihapuskan dalam mewujudkan jalinan usahasama strategik dan kerjasama berpasukan.

Kata beliau, dalam usaha kita memperolehi perspektif yang lebih luas dan cadangan penyelesaian yang lebih tepat ke arah meningkatkan keberkesanan dasar dan program pembangunan kolaborasi, ia tidak sepatutnya dihadkan kepada sesetengah organisasi sahaja sebaliknya perlu dilaksanakan melalui pendekatan **Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**.

Pertandingan yang berlangsung pada 3 dan 4 Oktober lalu menyaksikan sebanyak 60 kumpulan telah mengambil bahagian pada penganjuran kali ini di mana hanya 38 kumpulan sahaja pada tahun lepas.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor, Panglima-Panglima Perkhidmatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan ATM, serta warga Kementerian Pertahanan.

Timbalan Menteri Pertahanan turut menyampaikan Anugerah Pekerja Contoh (Awam) Tahun 2017 kepada empat pekerja daripada Kementerian yang terdiri daripada Gred 48 hingga Gred 18.

Senarai Pemenang disertakan seperti di Lampiran.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **Lt Mariani Mohamad Rafali TLDM, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Komunikasi Strategik** di talian **019-2624408**.

"TRANSFORMASI MELALUI INOVASI"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
14 Disember 2017**